



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**PROGRAM PERUBATAN/BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
MAJLIS OPTIK MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN UNTUK PERAKUAN
PENGAMALAN TAHUNAN (APC) BAGI JURUOPTIK/OPTOMETRIS
DI BAWAH SEKSYEN 32, AKTA OPTIK 1991**

TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN

1 SEPTEMBER 2023

1. NAMA INSTRUMEN PERATURAN

Garis Panduan Bagi Permohonan Untuk Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) Bagi Juruoptik/Optometrus Di Bawah Seksyen 32, Akta Optik 1991

2. NAMA AGENSI PENGAWAL SELIA INSTRUMEN PERATURAN

Majlis Optik Malaysia (MOC)

3. PUNCA KUASA

- Akta Optik 1991
- Peraturan-Peraturan Optik 1994

4. OBJEKTIF PERLESENAN

Memperaku mana-mana individu yang layak untuk menjalankan amalan optometri di Malaysia pada setiap tahun.

5. KETERANGAN

Perakuan Pengamalan Tahunan Juruoptik/ Optometris

Mana-mana individu yang telah berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia dan berhasrat untuk menjalankan amalan optometri pada tahun tersebut.

6. SASARAN PENGGUNA/PEMOHON INSTRUMEN PERATURAN

Juruoptik dan Optometris yang berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia.

7. BILA PERLU DIPOHON

Bermula 1 Januari bagi APC tahun berikutnya. Denda lewat sebanyak RM25.00 akan dikenakan sekiranya permohonan dibuat selepas 1 Disember.

8. KAEDAH PERMOHONAN - AKSES (ATAS TALIAN)

Atas talian	mhps.moh.gov.my
-------------	-----------------

9. PIAGAM PELANGGAN

Sijil APC akan diproses dalam tempoh **14** hari bekerja selepas permohonan yang lengkap diterima.

10. SYARAT-SYARAT SEBELUM/SELEPAS PERMOHONAN

Syarat-syarat sebelum permohonan

- Telah berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia

Syarat-syarat selepas permohonan

- Hubungi Majlis Optik Malaysia sekiranya pemohon tidak menerima sijil APC selepas satu (1) bulan pembayaran dibuat.

11. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN


Permohonan secara dalam talian

- i. Log masuk ke portal Malaysian Healthcare Practitioners' System (MHPS) di pautan: <http://mhps.moh.gov.my>
- ii. Klik pada butang **NEW APPLICATION> NEW APC**
- iii. Kemaskini correspondence/ postal address sekiranya ada perubahan.
- iv. Klik **ADD NEW** bagi memulakan permohonan APC dan masukkan maklumat seperti maklumat profesion, sektor /kategori penggajian dan kategori organisasi berdasarkan tempat amalan utama pengamal dan klik **SAVE CHANGES**.
- v. Seterusnya, klik butang tambah (+) bagi memasukkan alamat premis di mana pengamal menjalankan amalan optometri.
- vi. Klik **ADD PRACTISING ADDRESS** dan pilih kategori bagi organisasi, negeri dan daerah tempat amalan utama pengamal dan klik butang Search untuk membuat carian.
- vii. Klik pada butang tambah (+) untuk memilih tempat amalan dan klik **SAVE CHANGES**

- viii. Sekiranya pengamal mempunyai lebih dari satu tempat amalan, klik **ADD PRACTISING ADDRESS** untuk memasukkan tempat-tempat amalan lain. Ulangi langkah vi dan vii.
*maksima penambahan alamat adalah terhad kepada 4 tempat amalan sahaja termasuk tempat amalan utama.
- ix. Klik butang **SUBMIT** bagi menghantar permohonan APC. Tandakan butang Checkbox di ruangan declaration sebagai pengesahan permohonan dan seterusnya Klik butang **SUBMIT**.
- x. Butang pembayaran **PAY NOW** akan terpapar di dashboard pengamal. Klik butang **PAY NOW** bagi membuat bayaran secara dalam talian.
- xi. **APPROVE APC** akan terpapar di dashboard pengamal sekiranya pembayaran berjaya dibuat.
- xii. Permohonan APC akan diproses dalam tempoh 14 hari setelah pembayaran diterima oleh MOC.
- xiii. Sijil APC Juruoptik / Optometris akan dihantar secara pos laju kepada pemohon

CARTA ALIR PERMOHONAN UNTUK PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN BAGI JURUOPTIK/OPTOMETRIS DI BAWAH SEKSYEN 32, AKTA OPTIK 1991

Permohonan secara dalam talian



12. SENARAI KEPERLUAN MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN

BIL	NAMA MAKLUMAT/DOKUMEN
1	Salinan dokumen SSM dan Salinan Lesen Perniagaan bagi premis baharu hendaklah dikemukakan dengan memuat naik dokumen tersebut dalam sistem MHPS

13. SENARAI PEMBAYARAN

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN
1	Pembaharuan APC Juruoptik	RM50	Pembayaran boleh dibuat samada; <ul style="list-style-type: none"> secara dalam talian melalui portal mhps
2	Pembaharuan APC Optometris	RM50	
3	Denda Lewat	RM25	

14. KEPUTUSAN / OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

Output	mhps.moh.gov.my
Kaedah Penyampaian Keputusan Kepada Pemohon	Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan akan dihantar kepada pemohon melalui pos laju ke alamat surat - menyurat pemohon.

15. RUJUKAN YANG BERKAITAN

1. Akta Optik 1991
2. Peraturan-Peraturan Optik 1991